YAYASAN GURU MALAYSIA BERHAD

Reg.No. 199401005844 (291523-T)

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-32**

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-32 Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)** akan diadakan di **Eastin Hotel Penang, Queensbay, 1, Solok Bayan Indah, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang** pada hari **Sabtu, 28hb. November 2026** jam **8.00 pagi** untuk menjalankan urusan-urusan berikut:

**SEBAGAI URUSAN BIASA**

1. Untuk mengesahkan persaraan/peletakan jawatan Ahli Lembaga Pemegang Amanah secara rotasi mengikut peruntukan Artikel 26 (i) (a) dan (b) Artikel Pertubuhan YGMB seperti berikut:

   i. Tuan Haji Abidin bin Marjan; dan
   ii. Encik Mohammad Yong bin Salleh

   **Resolusi 1**

2. Untuk melantik dan mengesahkan pelantikan semula Encik Mohammad Yong bin Salleh mengikut peruntukan Artikel 26 (iii) Artikel Pertubuhan YGMB.

   **Resolusi 2**

3. Untuk melantik dan mengesahkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang baharu berdasarkan pencalonan yang dibuka dan untuk melalui proses pemilihan terbuka Ahli YGMB.

   **Resolusi 3**

   *Sila rujuk Nota Keterangan 1*

4. Untuk meluluskan fi dan elaun Ahli Lembaga Pemegang Amanah seperti yang tertera pada Penyata Kewangan Teraudit YGMB bagi tahun kewangan berakhir 31hb. Disember 2025.

   **Resolusi 4**

5. Untuk menerima dan meluluskan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb. Disember 2025 dan Laporan Lembaga Pemegang Amanah dan Juruaudit.

**Resolusi 5**

*Sila rujuk Nota Keterangan 2*

6. Untuk menerima dan mengesahkan pelantikan semula Tetuan Bal & Partners PLT sebagai Juruaudit Luar YGMB sehingga Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan memberi kuasa kepada Lembaga Pemegang Amanah untuk menetapkan imbuhan mereka.

**Resolusi 6**

7. Untuk menerima dan mengesahkan pelantikan semula Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mohd Mansor (BC/T/726) daripada Tetuan Tengku Naufal & Co. sebagai Setiausaha Syarikat YGMB sehingga Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan memberi kuasa kepada Lembaga Pemegang Amanah untuk menetapkan imbuhan mereka.

**Resolusi 7**

**DENGAN PERINTAH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH**

**DATUK DR. TENGKU NAUFAL TENGKU MANSOR**
Setiausaha Syarikat (BC/T/726)
No. PC : 202308000048
Kuala Lumpur

Bertarikh pada 13hb. November 2026

**PRA PENDAFTARAN KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KALI KE-32**

Pihak Sekretariat MAT Kali Ke-32 menggalakkan ahli-ahli YGMB yang berhasrat untuk hadir pada mesyuarat kali ini agar membuat pendaftaran awal bagi membolehkan pihak Sekretariat menyediakan segala keperluan mengikut anggaran kehadiran ahli-ahli.

Pra Pendaftaran kehadiran boleh dibuat secara atas talian mulai jam **12.00 tengah hari** pada **16hb. November 2026 (Isnin) hingga 12.00 tengah hari pada 23hb. November 2026 (Isnin)** melalui pautan **PENDAFTARAN KEHADIRAN MAT KALI KE-32**.

**NOTA KETERANGAN 1 : PENCALONAN AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH**

**Resolusi 3**

1. Ahli berdaftar YGMB yang ingin mencalonkan mana-mana ahli berdaftar sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang baharu, boleh menghubungi Sekretariat MAT Kali Ke-32 di talian **017-8806316** mulai jam **12.00 tengah hari** pada **16hb. November 2026 (Isnin)** bagi mendapat **Borang Pencalonan ALPA**.

2. Borang pencalonan tersebut mestilah dilengkapkan dengan sempurna dan diserahkan kembali kepada pihak Sekretariat sebelum atau selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari** pada **23hb. November 2026**, yang mana sebarang penyerahan **Borang Pencalonan ALPA** selepas waktu tersebut tidak akan diambil kira bagi tujuan ini.

3. Pihak Sekretariat berhak untuk menolak sebarang pencalonan individu yang tidak sempurna **Borang Pencalonan ALPA** mereka atau mana-mana individu yang didapati hilang kelayakan di bawah undang-undang negara atau atas sebab-sebab lain yang telah ditetapkan.

**NOTA KETERANGAN 2 : PEMERIKSAAN DAN/ATAU AKSES KEPADA PENYATA KEWANGAN TERAUDIT YGMB BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2025**

**Resolusi 5**

1. Ahli berdaftar YGMB yang ingin membuat pemeriksaan kepada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 boleh mendapatkannya dengan melayari laman sesawang YGMB di www.ygmb.com.my mulai 13hb. November 2026.